

# Hanya logo halal Jakim diiktiraf

## Akta pantau penyalahgunaan lambang produk diperkenal akhir tahun

Oleh Nahar Tajri  
nahar@bharian.com.my

**G**URUN: Produk makanan yang menggunakan logo halal tidak diiktiraf kerajaan, tidak akan dibenarkan dipamer di ruang makanan halal di premis perniagaan seluruh negara selepas Akta Halal diperkenalkan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata ia antara aspek utama yang dipertimbangkan

sebelum draf akta itu dikemukakan dalam pembentangan rang undang-undang Akta Halal di Parlimen pada Jun atau Julai ini.

Katanya, pada masa ini, pihak berkaitan sedang meneliti dan mengkaji aspek perundangan serta peraturan berkaitan akta itu untuk menentukan bentuk hukuman, peraturan, denda dan prosedur lain yang boleh dikenakan terhadap pihak mempermainkan aspek halal serta gagal mematuhi.

"Selepas diluluskan, akta itu juga akan memastikan ti-

dak ada pihak yang menyalah guna logo halal dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Kita jangka akta itu dapat diluluskan dan dilaksanakan selewat-lewatnya akhir tahun ini. Buat masa ini, kita sedang membuat persediaan terakhir untuk membawa akta itu ke mesyuarat kabinet dan ia dijangka dapat dibentangkan di Parlimen pada Jun atau Julai ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sekolah Menengah Agama

Gurun di sini, semalam.

Hadir Sama Pengarah Pelajaran Negeri, Shahidan Abd Rahman.

Sementara itu, Jamil Khir berkata, sekurang-kurangnya 70 peratus Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) sudah berdaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) sehingga kini.

Katanya, beliau berharap hasrat kerajaan agar semua sekolah agama didaftarkan sebagai SABK dapat dilaksanakan sepenuhnya tahun

ini demi kepentingan pelajar dan sekolah berkenaan selain menjaga kebajikan tenaga pengajarnya dalam soal memartabatkan sekolah agama di negara ini.

"Untuk tahun ini kita sudah ada empat sekolah baru yang berdaftar dan saya berharap agar semua sekolah agama dapat mendaftar tahun ini.

"Setakat ini, kita sedang menunggu perkembangan beberapa sekolah yang antaranya menghadapi masalah tapak tidak diwakafkan sebelum mendaftar," katanya.